



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA) JAIM HAJI SHAMSUDIN
UJONG PADANG, MASJID TANAH
TARIKH: 23 APRIL 2021 (JUMAAT), MASA: 3.00 PETANG
DI SRA JAIM HAJI SHAMSUDIN,
UJONG PADANG, MASJID TANAH, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima Kasih Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Yang Berhormat Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti
Samsudin,
Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
merangkap Ahli Parlimen Masjid Tanah;

Yang Berhormat Datuk Haji Md Rawi bin Mahmud,
Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka,
Merangkap ADUN Kawasan Tanjung Bidara;

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Che Sukri bin Che Mat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;

Yang Berusaha Tuan Mohd Fadhil bin Hassan,
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Alor Gajah;

Yang Berusaha Tuan Rahizi bin Ranom,
Pegawai Daerah Alor Gajah;

Yang Berusaha Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ghazali bin Othman dan Tuan
Haji Md Ramli bin Ahmad serta waris-waris kepada
keluarga Tuan Haji Haron bin Haji Shamsudin pewaqaf
tanah sekolah;

Yang Berusaha Ustazah Zainap binti Maidin,
Guru Besar SRA JAIM Haji Shamsudin;

Yang Berusaha Ustazah Aishah binti Salleh,
Guru Besar Tadika JAIM Haji Shamsudin;

Seterusnya, para hadirin dan hadirat, yang saya tidak dapat sebut nama secara satu persatu, tetapi itu tidak hilang hormat saya kepada semua,

MUKADIMAH

1. Pertama sekali, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat hadir pada majlis perasmian Sekolah Rendah Agama JAIM Haji Shamsudin, Ujong Padang, Masjid Tanah pada petang ini.
2. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembinaan Sekolah Rendah Agama JAIM Haji Shamsudin, Ujong Padang ini sebagaimana yang dirancang.

3. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada waris-warisi Allahyarham Tuan Haji Shamsudin bin Bujal, khususnya Tuan Haji Haron bin Haji Shamsudin yang telah bersetuju untuk mewakafkan tanah bagi pembinaan sekolah ini.

4. Tanpa persetujuan waris yang mewakafkan tanah ini, pembinaan SRA ini mungkin tidak menjadi kenyataan dan direalisasikan, terima kasih sekali lagi.

Saudara dan saudari,

PEMBINAAN SRA JAIM DAN TADIKA JAIM HAJI SHAMSUDIN, UJONG PADANG

5. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Melaka amat komited untuk membina Sekolah Rendah Agama JAIM ini demi membangunkan institusi pendidikan Islam untuk kepentingan anak-anak di Negeri Melaka.
6. Saya difahamkan, murid-murid sekolah Rendah Agama JAIM Haji Shamsudin sebelum ini, terpaksa belajar di SRA JAIM Kuala Sungai Baru dan SRA JAIM Lubuk Redan. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri Melaka perlu berusaha mewujudkan sekolah baharu ini yang lebih selesa dan dapat memuatkan seramai

420 orang pelajar, untuk keperluan dan keselesaan mereka.

7. Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM 2.1 juta** bagi pembinaan Sekolah Rendah Agama JAIM Haji Shamsudin, Ujong Padang yang tersergam indah ini.
8. Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri dengan bantuan Kerajaan Persekutuan telah berjaya membina **5 buah Sekolah Rendah Agama (SRA)** sepanjang tahun 2020 hingga tahun 2021 iaitu:

- i. SRA JAIM Ayer Paabas;
- ii. SRA JAIM Haji Shamsudin, Ujong Padang;
- iii. SRA JAIM Permatang Duyong;
- iv. SRA JAIM Bukit Larang; dan
- v. SRA JAIM Air Merbau.

Saudara dan saudari sekalian,

9. Kejayaan merealisasikan pembinaan sekolah-sekolah ini wajar dijadikan contoh kepada pengurusan sekolah dan pemimpin setempat yang lain. Ini membuktikan bahawa sekiranya semua ahli kariah bekerjasama menggerakkan sinergi membangunkan tanah wakaf, maka lebih banyak Sekolah Rendah

Agama boleh dibina mengikut kesesuaian dan keperluan setempat.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

10. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap usaha-usaha yang berkaitan dengan pembangunan Islam termasuk dalam bidang pendidikan. Ia selaras dengan slogan **“Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.”** yang turut menekankan aspek nilai dan kerohanian,

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

11. Saya berdoa, dengan terbinanya SRA JAIM dan Tadika JAIM Haji Shamsudin ini, semoga modal insan berkualiti dapat dilahirkan seterusnya mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai pusat kecemerlangan Islam di rantau ini sepertimana yang pernah kita kecapai suatu ketika dahulu mampu dicapai.

12. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Sekolah Rendah Agama JAIM Haji Shamsudin dan Tadika JAIM Haji Shamsudin, Ujong Padang, Masjid Tanah, Melaka.

Sekian, Terima Kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهَدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...

-TAMAT-